

07/10/1997

Sokongan untuk Dr Mahathir

KUCHING, Isnin - Persatuan Pengilang Bumiputera Sarawak (Pengasas) hari ini menyatakan sokongan tidak berbelah bagi terhadap usaha Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani krisis mata wang yang melanda negara sekarang.

Sehubungan itu Pengerusinya, Mahmud Mohd Nor, meminta ahli menggunakan bahan-bahan mentah tempatan untuk kilang masing-masing sebagai menyahut seruan kerajaan agar berjimat cermat.

Beliau berkata, semua ahli persatuan sudah memutuskan untuk hanya menggunakan bahan mentah tempatan sebagai langkah mengurangkan pengaliran wang keluar negara.

Katanya, kalau sebelum ini ahli Pengasas mengimport bahan mentah seperti tepung dari seberang laut iaitu Australia, bagaimanapun sejak rakyat negeri ini diminta mengurangkan perbelanjaan baru-baru ini, Pengasas bersetuju menukarkan kepada bahan mentah tempatan.

"Selain itu kami juga minta kerajaan negeri membatalkan permit untuk mengimport bahan-bahan mentah dari sebarang laut serta merta sekiranya bahan berkenaan boleh digantikan dengan bahan mentah tempatan.

"Beberapa kilang pemprosesan makanan yang menggunakan tepung yang diimport dari Australia menghentikan pembelian mereka dan menukarkan kepada tepung keluaran tempatan," katanya.

Menurutnya, Pengasas juga membidas media asing yang cuba memburuk-burukkan Dr Mahathir sehingga mencadang supaya beliau meletak jawatan berikutan masalah mata wang.

(END)